

AXCEL BROMHEXINE (CHILDREN) ELIXIR

Bromhexine Hydrochloride (4mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan Axcel Bromhexine (Children) Elixir.
2. Bagaimana Axcel Bromhexine (Children) Elixir Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir.
4. Cara Menggunakan Axcel Bromhexine (Children) Elixir.
5. Semasa Menggunakan Axcel Bromhexine (Children) Elixir.
6. Kesan-Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Bromhexine (Children) Elixir.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh Kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Bromhexine (Children) Elixir

Axcel Bromhexine (Children) Elixir adalah ekspektoran mukolitik (agen yang melarutkan kahak tebal) yang digunakan dalam rawatan gangguan pernafasan yang berkaitan dengan batuk yang kerap.

Bagaimana Axcel Bromhexine (Children) Elixir berfungsi

Bromhexine (Children) Elixir adalah ekspektoran mukolitik (agen yang melarutkan kahak tebal) yang berfungsi memecahkan kahak agar lebih mudah dibatuk keluar.

Sebelum mengambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir jika:

- Ia tidak diprekriskan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat- ubatan.
- Anda menghidapi ulser gastrik.
- Anda mengandung atau menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Bromhexine (Children) Elixir anda:

- Erythromycin, Cephalexin dan Amoxicillin

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir dan doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Bromhexine (Children) Elixir

-Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Kanak- kanak di bawah 2 tahun: 1.25ml (1mg)

Kanak- kanak 2-6 tahun: 2.5ml (2mg)

Kanak- kanak 7-12 tahun: 5ml (4mg)

Dewasa & kanak- kanak lebih 12 tahun: 10ml (8mg)

-Bila perlu digunakan

Anda perlu mengambil ubat itu pada tempoh masa yang sama dalam sehari.

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Bromhexine (Children) Elixir mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Dos berlebihan perlu diuruskan secara simptomatik.
- Dinasihatkan supaya anda hubungi dan maklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Bromhexine (Children) Elixir

-Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan kepada doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Bromhexine (Children) Elixir lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.

Kesan- kesan sampingan

Seperi semua ubat-ubatan, Axcel Bromhexine (Children) Elixir boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan umum berikut telah dilaporkan:

- Gangguan perut dan usus.
- Keputusan ujian hati yang tidak normal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

AXCEL BROMHEXINE (CHILDREN) ELIXIR

Bromhexine Hydrochloride (4mg/5ml)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Axcel Bromhexine (Children) Elixir

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Bromhexine (Children)

Elixir dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Bromhexine

(Children) Elixir yang melebihi tarikh

luput yang dicetak pada kotak.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Axcel Bromhexine (Children) Elixir

ialah sejenis eliksir berwarna merah ceri dengan perisa ceri.

Bahan- bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Bromhexine Hydrochloride

- Bahan Tidak Aktif:

Maltitol, Methylparaben, Propylene Glycol, Povidone K90, Carmosine (Cherry red), Cherry Flavour, Citric Acid Anhydrous, Sorbitol 70%, Sucralose, Chloroform Spirit dan Purified Water.

Nombor MAL

MAL19911419XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/04/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)180418/00110